



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	25/7/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Dilepaskan semula di Taman Negara

Kuala Terengganu: Beruang matakahari yang ditangkap Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Kelantan, dilepaskan di Taman Negara selepas pemeriksaan mengesahkan ia sihat.

Pengarahnya, Dr Abdul Malek Mohd Yusof berkata, haiwan itu dilepaskan pada jarak 130 kilometer di Taman Negara dan diyakini ia tidak akan kembali ke perkampungan berkenaan.

Beliau berkata, ketika ini pihaknya meneruskan usaha menangkap dua lagi beruang matakahari berkenaan yang dipercayai masih berkegiatan di perkampungan itu dengan memasang perangkap.

"Beruang matakahari betina seberat 70 kilogram itu agresiif semalam (kelmarin), mungkin kerana terpisah dengan anaknya yang dipercayai masih berada di ka-



BERUANG matakahari yang terjat di belakang rumah penduduk di Felda Belara, Kuala Nerus.

wasan perkampungan itu bersama seekor lagi beruang spesies sama.

"Kami melepaskan beruang yang ditangkap itu jauh ke Taman Negara dan yakin ia tidak akan kembali ke kawasan penempatan penduduk terutamanya di Felda Be-

lara kerana kawasan keluaran haiwan bersaiz kecil seperti beruang matakahari adalah kecil.

"Berbeza dengan haiwan bersaiz besar seperti gajah yang kawasan keluarannya lebih luas sekali gus memungkinkannya ia kembali ke kawasan penempatan penduduk," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak faktor habitat dan sumber makanan haiwan itu di gangguan menyebabkan ia keluar ke kawasan penempatan untuk mencari makanan.

"Kita akan bekerjasama dengan pihak berkenaan untuk menjalankan siasatan di lapangan sama ada wujud faktor pembukaan kawasan hutan sehingga habitusnya mengecil dan sumber makanan terganggu menyebabkan ia keluar ke kawasan penempatan manusia.

"Kebiasaannya elemen makanan menjadi faktor penting yang menyebabkan haiwan liar ini masuk ke kawasan penempatan kerana mereka memerlukan makanan untuk terus hidup," katanya.

Kelmarin, seekor beruang matakahari betina ditangkap Perhilitan negeri di Felda Belara, Kuala Nerus, selepas perangkap dipasang di belakang rumah seorang penduduk yang meletakkan sarang madu kelulut sebagai umpan.

FAKTA
Teruskan usaha tangkap dua lagi beruang matakahari dipercayai masih berkegiatan